

PEKELILING PTG JOHOR BIL. 6/2014

DASAR PENGELUARAN, PENGEKSPORTAN DAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN BAHAN BATUAN

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor yang bermesyuarat pada 19 Mac 2014 bagaimana Ringkasan Mesyuarat Bil. 808/2014 telah bersetuju dengan dasar pengeluaran, pengeksporan dan tindakan penguatkuasaan bahan batuan supaya ianya dijadikan Pekeliling PTG dan seterusnya diwartakan dan dikuatkuasakan perlaksanaannya sebagaimana berikut;

1. TUJUAN

- 1.1 Dasar Pengeluaran, Pengeksporan Dan Tindakan Penguatkuasaan Bahan Batuan ini adalah untuk memberi panduan kepada semua Pentadbiran Tanah Negeri Johor mengenai tatacara pengeluaran permit, pengeksporan dan tindakan penguatkuasaan bahan batuan untuk disesuaikan dengan pindaan kepada Kanun Tanah Negara melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2008 [Akta A1333] yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2009.
- 1.2 Dasar ini juga bertujuan untuk menyatukan semua arahan dan pekeliling sedia ada yang telah dikeluarkan bagi memenuhi kehendak pembangunan dan mengukuhkan kepentingan kerajaan negeri serta untuk memperbaiki Prosedur Pentadbiran Tanah Johor.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Rentetan dari ucapan Y.A.B Menteri Besar Johor semasa pembentangan Belanjawan Negeri dalam Persidangan Dewan Negeri pada 11.11.2010, dibawah Strategi 4, (Mentransformasi Perkhidmatan Awam Negeri Johor), Inisiatif 1 (meningkatkan hasil kerajaan dan pengurangan kos mengurus) Langkah Pertama iaitu mewujudkan pelan tindakan penjanaan hasil kerajaan negeri dimana pegawai-pegawai kerajaan yang berpengalaman akan merangka pelan ini melalui perbincangan secara makmal bagi menilai semula potensi punca hasil sedia ada dan mengesan sumber-sumber baru. Pelan ini juga menggariskan mekanisma pemantauan dalam memastikan pungutan hasil dilaksanakan dengan berkesan.
- 2.2 Royalti bahan batuan merupakan salah satu sumber hasil Kerajaan Negeri.
- 2.3 Berikutan pindaan kepada definasi bahan batuan dibawah Seksyen 5 KTN melalui Akta A1333, senarai bahan batuan yang dikenakan permit dalam Jadual 6 – Susunan VI Kaedah-Kaedah Tanah Johor perlu dipinda.

- 2.4 Dalam pemerhatian yang telah dibuat, didapati jenis dan saiz pengangkutan yang digunakan oleh pengusaha / pengeksport dan tatacara pungutan royalti tidak lagi sesuai dengan keadaan semasa kerana ianya telah mengakibatkan kerugian hasil oleh kerajaan negeri.
- 2.5 Tiada mekanisma yang tepat dan peralatan yang sesuai bagi digunakan oleh Pentadbiran Tanah untuk menentukan kadar muatan sebenar yang boleh dibawa oleh pengusaha / pemandu tanpa menjejaskan lain-lain peruntukan undang-undang dan peraturan lain-lain jabatan terlibat.
- 2.6 Tatacara pengiraan muatan pada masa sekarang dengan menggunakan meter padu kurang tepat kerana setiap jenis bahan batuan dan saiz mempunyai nilai berbeza dan tidak mengikut piawaian antarabangsa. Oleh yang demikian, pertukaran kepada metrik tan adalah bersesuaian dan selaras dengan jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).
- 2.7 Penambahan tanah secara besar-besaran sukar dikawal dengan lebih berkesan.
- 2.8 Terdapat aktiviti pengalihan bahan batuan pada hari Jumaat dan Cuti Umum Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang mana pada sebelum arahan ini cuti hujung minggu adalah jatuh pada hari ahad.
- 2.9 Tiada formula yang ditetapkan bagaimana pengiraan wang amanah bahan batuan yang dikenakan kepada pengusaha.
- 2.10 Pekeliling PTG Johor Bil. 5/72 telah mengariskan beberapa tatacara pengeluaran dan pemantauan penguatkuasaan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah bagi tindakan menghalang pencurian pasir dan lain-lain bahan batu bata di Negeri Johor.
- 2.11 Pekeliling PTG Johor Bil. 5/73 dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor didalam MMK Bil. 66/82 bertarikh 13.1.1982 dan sepertimana pemberitahuan didalam Pekeliling PTG Johor Bil. 1/82 telah bersetuju bahawa bahan batuan yang boleh dieksport tidak melebihi 50% daripada pengeluaran bulanan dan 50% lagi hendaklah digunakan bagi perusahaan tempatan. Kuota bagi mengeksport sebanyak 50% daripada pengeluaran ini boleh ditambah jika difikirkan bahawa keperluan tempatan tidak melebihi keperluan untuk dieksport.
- 2.12 Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor didalam MMK Bil. 527/82 bertarikh 14.4.1982 dan pemberitahuan didalam Pekeliling PTG Bil. 6/82 telah bersetuju untuk meminda kadar bayaran royalti eksport bagi batu pejal kepada 5 kali ganda dan mengekalkan kepada 8 kali ganda nilai royalti tempatan sebagaimana Jadual VI, Bilangan 13 dalam Peraturan Tanah Johor 1966.
- 2.13 Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor didalam MMK Bil. 794/82 bertarikh 25.8.1982 dan pemberitahuan didalam Pekeliling PTG bil. 8/82 telah

bersetuju meminda kadar bayaran royalti bagi pasir silika untuk tujuan eksport pada kadar 5 kali ganda kecuali batu pejal yang kekal dengan bayaran yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual VI, Bilangan 13 dalam Peraturan Tanah Johor 1966.

- 2.14 Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor didalam MMK Bil. 752/85 bertarikh 11.9.1985 telah membuat keputusan membatalkan segala pengecualian bayaran permit untuk mengangkut bahan batuan melainkan bahan-bahan batu tersebut dibawa oleh lori Jabatan Kerja Raya hanya untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan sahaja.
- 2.15 Kerajaan Persekutuan melalui surat edaran bertarikh 29.1.1997 kepada semua kerajaan negeri telah mengenakan larangan eksport semua jenis pasir keluar negara melainkan pasir silika (bagi tujuan industri pembuatan) dan pasir penapis (filter sand) berkuatkuasa serta merta.
- 2.16 Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor didalam MMK Bil. 815/2002 bertarikh 24.4.2002 telah bersetuju memberhentikan pengeksportan batu pejal berukuran 228mm (9 inci) keatas berkuatkuasa serta merta. Bahan batuan lain yang telah dibenarkan untuk dieksport adalah dikekalkan sebagaimana biasa.
- 2.17 Pengarah Tanah dan Galian Johor telah menyemak dan mengemaskini beberapa bahagian pekeliling dan peraturan sedia ada dengan mengeluarkan Pekeliling PTG Johor Bil. 4/2005 berkuatkuasa pada 1 Mac 2005 bagi memberikan panduan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah mengenai tatacara mengeluarkan permit bahan batuan dan tindakan penguatkuasaan.
- 2.18 Tiada kemudahan disediakan bagi menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan yang diangkut melalui jalan laut.
- 2.19 Berdasarkan kepada beberapa keputusan kerajaan, pindaan dan pengeluaran pekeliling terbaharu tanpa membuat pembatalan pekeliling terdahulu telah menyebabkan kekeliruan dan menyukarkan perlaksanaan untuk tindakan.
- 2.20 Dasar pengeluaran bahan batuan dan tatacara penguatkuasaan yang dijalankan oleh Pentadbiran Tanah Johor perlu disemak semula bersesuaian dengan pindaan Kanun Tanah Negara agar semua tindakan penguatkuasaan yang dibuat mengikut peraturan dan undang-undang.
- 2.21 Dengan adanya penguatkuasaan yang lebih terancang dapat mendisiplinkan pengusaha-pengusaha untuk menjadikan mereka lebih peka tentang peraturan dan undang-undang berkaitan dan dapat meningkatkan hasil kerajaan negeri.
- 2.22 Pindaan kepada Kanun Tanah Negara melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2008 [Akta A1333] yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2009 - Seksyen 429B (Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun), kuasa mengkompaun kesalahan oleh Pengarah Tanah dan Galian atau Pentadbir Tanah Daerah adalah tertakluk kepada kebenaran bertulis daripada Pendakwa Raya selaras dengan perkembangan keputusan Mahkamah semasa

dan Perkara 145(3) dan (3A) Perlembagaan Persekutuan. Kadar penetapan kompaun yang dikenakan adalah tidak boleh melebihi 50 peratus daripada denda maksimum bagi kesalahan-kesalahan yang ditetapkan di bawah Kanun Tanah Negara. Ketiadaan garis panduan bagi penetapan kadar minimum kompaun telah menyukarkan pihak-pihak berkenaan menentukan kadar kompaun yang bersesuaian.

3. DASAR PENGELUARAN BAHAN BATUAN

- 3.1 Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut, semua Pentadbir Tanah Daerah dan Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kecil adalah dikehendaki melaksanakan peraturan baharu ini.
- 3.2 Kaedah-kaedah yang perlu diikuti oleh Pentadbiran Tanah Negeri Johor dalam melaksanakan peraturan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:-
 - 3.2.1 Pemohon hendaklah melengkapkan Borang Permohonan Pengalihan Bahan-Bahan Batuan (Rock Material) Di bawah Seksyen 70 Kanun Tanah Negara bagaimana **Lampiran A**.
 - 3.2.2 Semua permohonan kelulusan dan lanjutan permit hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah dengan dikenakan bayaran permohonan sebanyak RM 30.00 bagi setiap permohonan.
 - 3.2.3 Satu permit dikeluarkan untuk satu kenderaan sahaja. Tempoh setiap satu Permit 4C hendaklah tidak melebihi 14 hari dan jumlah trip tidak melebihi 15 trip pengangkutan.
 - 3.2.4 Royalti bahan batuan dan muatan hendaklah di kira berdasarkan metrik tan, meter persegi dan ketul mengikut had muatan yang ditetapkan untuk dibawa oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Malaysia.
 - 3.2.5 Jenis pengangkutan yang dibenarkan untuk mengangkut bahan batuan hendaklah mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Malaysia.
 - 3.2.6 Pengeluaran permit secara pukal dibenarkan dengan mematuhi syarat-syarat berikut:
 - i. Keluasan penambakan tidak kurang dari 2 hektar (5 ekar);
 - ii. Mendapat tawaran tender untuk projek kerajaan, komersil atau projek perumahan sahaja;
 - iii. Bagi projek-projek yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan, bayaran permit tersebut hendaklah dimasukkan

dalam pengiraan kos projek dan dijelaskan oleh agensi tersebut.

- iv. Tempoh kelulusan permit tidak melebihi 1 bulan dan boleh dilanjutkan.
- v. Mendapat kebenaran Pengarah Tanah dan Galian.

- 3.2.7 Jumlah wang amanah yang dikenakan kepada pengusaha hendaklah dikira berdasarkan kepada kiraan 10% kadar royalti per metrik tan yang dikenakan dan kapasiti pengeluaran untuk jangka masa satu bulan. Contoh pengiraan berikut:-

Pengiraan wang amanah untuk batu pejal :

Nilai Royalti (per metrik tan) x Jumlah Kapasiti Pengeluaran Bulanan
x 10% = RM 00,000.00

Contoh : (RM1.30 x 100,000 mt x 10% = RM13,000.00)

Jumlah wang amanah ini tidak termasuk jumlah wang amanah yang dikenakan oleh lain-lain jabatan teknikal.

- 3.2.8 Tiap-tiap kenderaan dikehendaki membawa Permit 4C asal kecuali Permit pukal yang mana perlu dibawa bersama surat kelulusan.

- 3.2.9 Bagi tujuan penghantaran bahan batuan melalui laut (barge / pontoon) perlu memenuhi syarat-syarat seperti berikut :-

- i. Pengusaha dikehendaki mengemukakan senarai nombor pendaftaran lori yang terlibat dengan pengangkutan bahan batuan, barge dan pontoon kepada Pentadbir Tanah.
- ii. Tiap-tiap kenderaan dikehendaki membawa salinan Permit 4C dan senarai nombor pendaftaran lori yang diakui sah oleh Pentadbir Tanah;
- iii. Setiap pergerakan barge / pontoon yang membawa pasir dalam wilayah hendaklah dikawal dengan menggunakan Borang PTG 3 bagaimana **Lampiran B** iaitu borang pengesahan penghantaran dan pelepasan oleh Pentadbir Tanah Daerah pengeluar dan pengesahan sampai ke destinasi oleh PTG Johor atau Pentadbir Tanah Daerah penerima.

- 3.2.10 Permohonan perlanjutan tempoh permit dan pindaan tarikh oleh pengusaha hanya sekali sahaja. Walau bagaimanapun perlanjutan ini hanya diberikan sebelum permit tamat tempoh dan hendaklah direkod dan disimpan di Pejabat Tanah. Contoh format rekod perlanjutan dan pindaan tarikh bagaimana **Lampiran C**.

- 3.2.11 Pengeluaran permit bagi projek-projek segera terutamanya projek kerajaan hendaklah disegerakan.

- 3.2.12 Pengeluaran permit sama ada kegunaan tempatan atau eksport tidak dibenarkan pada hari Jumaat dan cuti am kerajaan negeri dan persekutuan melainkan mendapat kebenaran dari Pengarah Tanah Negeri atau Pentadbir Tanah Daerah mengikut kesesuaian dan keperluan.
- 3.2.13 Waktu operasi mengangkut bahan-bahan batuan adalah daripada jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang. Walau bagaimana pun waktu operasi mengangkut diluar waktu yang ditetapkan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kelulusan Pengarah Tanah Dan Galian atau Pentadbir Tanah Daerah.
- 3.2.14 Pengecualian permit kepada swasta tidak dibenarkan melainkan diangkut oleh kenderaan milik kerajaan. Pengecualian permit juga boleh diberikan ke atas projek gotong-royong dan juga projek PPRT di atas permohonan oleh Pegawai Daerah dan diluluskan oleh Pentadbir Tanah Daerah. Bagi maksud di atas bayaran permit nominal sebanyak RM10.00 dikenakan setiap lori.
- 3.2.15 Pengusaha juga perlu mematuhi segala syarat-syarat yang dikenakan oleh jabatan-jabatan teknikal lain seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Kerja Raya (JKR), Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan sebagainya.
- 3.2.16 Pengusaha hendaklah mendirikan papan tanda yang mengandungi maklumat kelulusan di atas tanah yang ada kelulusan bagaimana contoh **Lampiran D**.
- 3.2.17 Mendapatkan kerjasama pihak agensi-agensi penguatkuasaan maritim dalam pemantauan penguatkuasaan pengalihan bahan batuan melalui laluan laut.
- 3.3Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah dan Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kecil hendaklah mengambil perhatian serta melaksanakan perkara-perkara berikut :-
- 3.3.1 Dalam menentukan jumlah muatan bahan batuan yang boleh dikeluarkan dengan tiap-tiap satu permit, Pentadbir Tanah Daerah hendaklah membuat anggaran jumlah trip yang boleh diangkut bagaimana panduan berikut :-

Jadual bilangan trip bagi bahan batuan

Jarak (Kilometer)	Bilangan Trip
1 ~ 5	Minima 15
6 – 10	Minima 10
11 – 15	Minima 8
16 – 20	Minima 5
Lebih 20	Minima 3

- 3.3.2 Pengurangan jumlah trip bagi bahan batuan sebagaimana yang ditetapkan di para 3.3.1 boleh dipertimbangkan dengan alasan yang munasabah seperti jarak perjalanan terlalu jauh dan permintaan terhad kepada satu trip sahaja.
- 3.3.3 Bayaran royalti hendaklah dikira berdasarkan kepada kiraan berat muatan yang dibenarkan untuk dibawa oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Malaysia kecuali batu bata, jubin, genting dan rumput. Contoh pengiraan berikut:-

$$\text{BDM} - \text{BTM} \times \text{Jumlah Royalti yang dikenakan} = \text{RM00,000.00}$$

** 1000 kg = 1 tan metrik*

BDM - Berat dalam muatan

BTM - Berat tanpa muatan

- 3.3.4 Pengusaha-pengusaha dikehendaki mengemukakan Laporan Bulanan Pengeluaran Bahan-Bahan Batuan ke Pejabat Tanah Daerah dan satu salinan kepada Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Johor selewat-lewatnya pada 10 haribulan tiap-tiap bulan mengenai jumlah pengeluaran bulanan bagi tempatan dan eksport. Jika laporan bulan ini tidak diterima oleh Pentadbir Tanah Daerah sebagaimana yang ditetapkan maka Permit 4C selanjutnya sama ada untuk tujuan tempatan atau eksport tidak boleh dikeluarkan. Format laporan adalah bagaimana **Lampiran E**.
- 3.3.5 Pentadbiran Tanah Daerah hendaklah menyediakan rekod bagi tiap-tiap pengeluaran permit yang digunakan untuk memudahkan pengesahan dibuat oleh pihak PTG dari semasa ke semasa. Format laporan adalah bagaimana **Lampiran F**.
- 3.3.6 Permit hendaklah dicetak atau ditulis dengan tulisan yang terang dan untuk mengelakkan kesilapan-kesilapan dan membolehkan orang lain membuat pindaan. Angka-angka yang selalu mengelirukan ialah 0, 1, 7 yang sepatutnya ditulis seperti berikut :-
- Sifar – 0
 Satu – 1 (bukan I)
 Tujuh – 7
- 3.3.7 Tarikh tempoh permit hendaklah dicop atau dicetak supaya tidak boleh diubah. Apa-apa pembetulan kepada kesilapan hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa serta dicop dengan cop Jabatan.
- 3.3.8 Bagi setiap Permit 4C yang dikeluarkan kepada pengusaha hendaklah disertakan dengan satu set borang pergerakan / trip pengangkutan sebagaimana **Lampiran G** dan hendaklah diisi / dipenuhi oleh pengusaha / pemilik permit. Kegagalan pengusaha

/ pemilik permit bagi mematuhi syarat ini boleh dianggap telah melakukan pelanggaran syarat permit dan boleh dikenakan tindakan dibawah Sek 74 Kanun Tanah Negara.

- 3.3.9 Nombor siri permit yang dikeluarkan oleh Pejabat-Pejabat Tanah hendaklah menggunakan kod-kod seperti berikut :-

/ /

Pada ruangan yang pertama ialah diuntukkan bagi kod Pejabat Tanah Daerah dan Pejabat Tanah Daerah Kecil iaitu sebagaimana berikut :-

Kod Daerah

01	Batu Pahat
02	Johor Bahru
03	Kluang
04	Kota Tinggi
05	Mersing
06	Muar
07	Pontian
08	Segamat
011	Rengit
022	Kulai
044	Pengerang
066	Tangkak
088	Labis

Pada ruangan yang kedua adalah diperuntukkan untuk nombor siri pengeluaran permit manakala pada ruangan ketiga adalah untuk tahun permit dikeluarkan.

- 3.3.10 Sebagai contoh Pejabat Tanah Johor Bahru mengeluarkan permit Bil. 50 pada tahun 2013. Maka nombor permit hendaklah dicatatkan 02/50/13. Sekiranya Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi mengeluarkan permit Bil. 240 pada tahun 2013 maka nombor permit hendaklah dicatatkan 04/240/13.
- 3.3.11 Pentadbir Tanah Daerah bolehlah menetapkan masa yang sesuai untuk mengemukakan permohonan dan pengambilan permit bagi mengelakkan permasalahan di Bahagian Hasil dan memberikan masa bagi Pembantu Tadbir yang berkenaan menyediakan permit.
- 3.3.12 Setiap kawasan perusahaan kuari yang status tanahnya selain daripada perusahaan kuari hendaklah dikenakan tambahan royalti tahunan sebagaimana kadar cukai yang dikenakan keatas tanah perusahaan kuari selaras dengan JPU 95.

4. DASAR EKSPORT BAHAN BATUAN

- 4.1 Semua jenis bahan batuan termasuk pasir silika (bagi tujuan pembuatan) dan pasir penapis (filter sand) adalah dibenarkan untuk di eksport.
- 4.2 Pengeksportan pasir termasuk pasir lombong dan pasir laut serta batu pejal melebihi 228 mm (9 inci) adalah dilarang sama sekali.
- 4.3 Permohonan kebenaran dan kuota eksport hendaklah melalui Borang UKE 2:3 Permohonan Kebenaran Eksport Bahan-Bahan Batuan (Rock Material) yang dikeluarkan oleh Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Johor bagaimana **Lampiran H**.
- 4.4 Semua permohonan dan lanjutan kebenaran eksport hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah dengan dikenakan bayaran permohonan sebanyak RM 50.00 bagi setiap permohonan.
- 4.5 Bagi tujuan eksport pasir silika dan tapisan, pengusaha hendaklah mendapatkan pengesahan daripada pihak Jabatan Mineral dan Geosains mengenai kandungan mineral bahan batuan yang hendak dikeluarkan sebelum mengemukakan permohonan ke Pejabat Tanah.
- 4.6 Kuota bahan batuan yang dibenarkan untuk dieksport tidak melebihi 50% daripada kapasiti pengeluaran bulanan dan 50% lagi hendaklah digunakan bagi perusahaan tempatan. Kuota bagi pengeksportan ini boleh ditambah jika difikirkan bahawa keperluan tempatan tidak melebihi keperluan untuk dieksport.
- 4.7 Kadar bayaran royalti eksport bagi bahan batuan adalah dikekalkan sebagaimana Jadual 6, Susunan VI Kaedah Tanah Johor (Pindaan)(No.1) 2004.
- 4.8 Jumlah wang amanah yang dikenakan hendaklah dikira berdasarkan kepada kiraan 5% dari kadar royalti eksport per metrik tan / meter padu dan jumlah kuota eksport bulanan yang diluluskan. Contoh pengiraan bagaimana berikut:-

Pengiraan wang amanah untuk batu pejal :

Nilai Royalti Eksport (per metrik tan) x
Jumlah Kuota yang Diluluskan x 5% = RM 00,000.00
Contoh : (RM5.20 x 100,000 mt x 5% = RM26,000.00)

Jumlah wang amanah ini tidak termasuk jumlah wang amanah yang dikenakan oleh lain-lain jabatan teknikal.

- 4.7 Pintu laluan keluar bagi tujuan eksport yang dibenarkan adalah :
 - i. Komplek Kastam Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru;
 - ii. Komplek Kastam Sultan Abu Bakar, Gelang Patah;
 - iii. Perlabuhan Pasir Gudang;

- iv. Pelabuhan Tanjung Pelepas; dan
 - v. Jeti-jeti Persendirian yang berdaftar dan diluluskan oleh pihak kerajaan.
- 4.8 Kadar had muatan dan jenis pengangkutan yang dibenarkan untuk mengangkut bahan batuan hendaklah mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Malaysia.
- 4.9 Bagi pengeksporan bahan batuan bukan keluaran dari dalam Negeri Johor, kebenaran laluan eksport ini boleh dipertimbangkan dengan dikenakan syarat :
- a. Hanya melalui Komplek Kastam Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang sahaja;
 - b. Pemohon dikehendaki berurusan dengan Unit Kawalan Eksport PTG Johor Tanjung Kupang mengikut masa operasi antara jam 7.00 pagi hingga 6.00 petang;
 - c. Jika laluan pemindahan melalui Jalanraya Persekutuan, pengusaha dikehendaki mendapat pengesahan bahan batuan luar Negeri Johor terlebih dahulu daripada Pejabat Tanah Daerah yang bersempadan dengan negeri-negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang iaitu Pejabat Tanah Daerah Muar / Ledang / Segamat / Mersing; Dan
 - d. Jika pergerakan melalui Lebuhraya Utara Selatan (Plus), ianya memadai menunjukkan resit bayaran tol sebagai bukti pengesahan bahan batuan yang dibawa adalah bahan batuan luar dari Negeri Johor.
 - e. Pengeksport juga dikehendaki membayar wang perkhidmatan bagi urusan pengesahan dan pelepasan eksport sebanyak RM20.00 bagi satu trip pengeksporan.

5. **PERKARA-PERKARA YANG TIDAK BOLEH DILAKUKAN**

- 5.1 Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah dan Penolong Pentadbir Tanah Daerah diingatkan supaya tidak melakukan perkara-perkara seperti berikut :-
- 5.1.1 Satu permit dikeluarkan bagi beberapa buah kenderaan kecuali untuk penghantaran ke pontoon.
 - 5.1.2 Tempoh diberikan dalam permit untuk mengeluarkan bahan-bahan batuan melebihi 14 hari.

- 5.1.3 Melanjutkan tempoh mengeluarkan bahan batuan lebih daripada sekali.
- 5.1.4 Tulisan yang tidak jelas pada permit yang membolehkan pindaan-pindaan dibuat oleh pihak luar.
- 5.1.5 Pengeluaran permit / bayaran kebenaran pukal melangkaui tahun.
- 5.1.6 Membenarkan pengecualian permit kepada swasta.
- 5.1.7 Mengecualikan bayaran permit untuk '*stockpile*'.

6. TINDAKAN KUATKUASA DIBAWAH SEKSYEN 426 KANUN TANAH NEGARA

- 6.1 Tindakan penguatkuasaan hendaklah dijalankan dari semasa ke semasa. Pemeriksaan hendaklah dibuat ke atas kenderaan yang membawa bahan batuan untuk memastikan bahawa undang-undang dipatuhi oleh pengusaha. Lawatan-lawatan yang kerap hendaklah juga dibuat ke tempat-tempat yang dibenarkan mengambil bahan-bahan tersebut.
- 6.2 Bagi pencabutan, pemindahan atau pengangkutan bahan batuan tanpa kebenaran yang sah, tindakan penguatkuasaan hendaklah diambil.
- 6.3 Muatan yang dibawa hendaklah mengikut kebenaran yang diberikan. Pengarah Tanah dan Galian atau Pentadbir Tanah Daerah boleh mengarahkan timbangan semula dilakukan.
- 6.4 Meningkatkan penguatkuasaan dengan mewujudkan semula pos pemeriksaan statik di laluan utama kenderaan bahan batuan. Penekanan / pemeriksaan secara rawak juga perlu terhadap lori kargo dan lori trailer bagi penguatkuasaan bahan batuan.
- 6.5 Pentadbir Tanah hendaklah memaklumkan kepada PTG Johor jika terdapat kawasan kerja tanah secara besar-besaran bagi mendapatkan bantuan pemantauan.
- 6.6 Pemeriksaan bahan batuan yang dieksport melalui semua pintu keluar untuk tujuan eksport hendaklah dijalankan.
- 6.7 Meningkatkan rondaan bagi kawasan yang terdapat aktiviti pengeluaran / penambakan bahan batuan dan kawasan yang tidak diliputi pos statik.
- 6.8 Menjalankan pemeriksaan dan menyemak jumlah pengeluaran bulanan bahan batuan di kuari-kuari.
- 6.9 Pindaan kepada Kanun Tanah Negara melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2008 [Akta A1333] yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2009 ~ Seksyen 429B (Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun), kuasa mengkompaun kesalahan oleh Pengarah Tanah dan Galian atau Pentadbir

Tanah Daerah adalah tertakluk kepada kebenaran bertulis daripada Pendakwa Raya selaras dengan perkembangan keputusan Mahkamah semasa dan Perkara 145(3) dan (3A) Perlembagaan Persekutuan. Kadar penetapan kompaun dicadangkan tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak boleh melebihi 50 peratus daripada denda maksimum bagi kesalahan-kesalahan yang ditetapkan di bawah Kanun Tanah Negara.

7. PEMBATALAN PEKELILING

- . 7.1 Dengan adanya Pekeliling ini. Maka Pekeliling-pekeliling PTG Bil. 5/72, PTG Bil. 5/73, PTG Bil. 1/82, 6/82, 8/82, 1/84, 12/85, 11/88, dan PTG Bil. 4/2005 yang dikeluarkan pada tarikh-tarikh 11.4.1972, 23.4.1973, 19.1.1982, 3.5.1982, 16.10.1982, 17.4.1984, 1.12.1985, 25.7.1988, dan 1.3.2005 dibatalkan.

8. TARIKH KUATKUASA

- 8.1 Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

JOHOR

**BORANG PERMOHONAN PERMIT 4C MENGALIH
BAHAN-BAHAN BATUAN
DI BAWAH SEKSYEN 70 KANUN TANAH NEGARA**

Saya (nama) : _____

Alamat : _____

Memohon permit untuk mengalih, mengambil bahan batu seperti berikut :-

Jenis Bahan Batuan : _____

Jumlah (Tan Metrik / Meter Persegi / Ketul) : _____

Tempat mengambil : _____ Mukim : _____

Nombor Tanah (No. Lot / PTD / PTB) : _____ Hakmilik : _____

Tempat di hantar : _____

* Tempoh Permit : _____

* No. Kenderaan : _____

Saiz muatan : i. Berat dgn Muatan (BDM) – Berat Tanpa Muatan (BTM):___Tan Metrik

ii. (_____ Panjang x _____ Lebar) : _____Meter Persegi

Saya bersetuju dan patuh dengan syarat yang dikenakan oleh pihak kerajaan diatas permohonan ini. Saya faham bahawa pengambilan bahan-bahan batu tanpa kebenaran adalah menyalahi undang-undang dan boleh dikenakan tindakan dibawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negera.

Tarikh : _____ Tandatangan Pemohon : _____

- *Sekiranya permohonan adalah lebih dari satu lori, sila isikan dimuka (ii) belakang borang ini.*

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Permohonan DILULUSKAN / DITOLAK

Tempoh masa : Mulai _____ hingga _____

Jumlah Trip : _____ setiap lori.

(Pentadbir Tanah)

SILA PENUHKAN RUANGAN INI JIKA PERMOHONAN ADALAH MELEBIHI DARI SATU BUAH LORI

Bil.	Nombor Lori	Tempoh	BDM – BTM / Meter Persegi	Muatan
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
6.				
7.				
8.				
9.				
10.				
11.				
12.				
13.				
14.				
15.				
16.				
17.				
18.				
19.				
20.				

Tarikh : _____

Tandatangan Pemohon : _____

No. Siri : / / 2013



BORANG PTG3

**BORANG PENGESAHAN PENGHANTARAN BAHAN~BATUAN MELALUI LAUT BAGI PASARAN
TEMPATAN**

Borang ini dikeluarkan bagi mengesahkan bahawa telah
diberi kebenaran untuk mengangkut bahan batuanmenggunakan
pengangkutan laut sebagaimana butiran di bawah :-

1. Borang No. K3 (KASTAM) :
2. No. Permit 4C :
3. Nama Tug Boat :
4. Nama Pontoon :
5. Jenis Muatan :
6. Jumlah Muatan :
7. Jangka Masa Berlepas :
8. Tempat Berlepas :
9. Destinasi Penghantaran :
10. Jangkaan Tarikh / Masa
Ketibaan :

.....
Pentadbir Tanah Daerah

(MAKLUMAT PERLEPASAN)

Adalah disahkan bahawa bahan-batuan yang dinyatakan di atas telah
Berlepas dari destinasi pada tarikh jam

.....
Pentadbir Tanah Daerah

(MAKLUMAT KETIBAAN)

Adalah disahkan bahawa bahan-batuan yang dinyatakan di atas telah
Berlepas dari destinasi pada tarikh jam

.....
Penerima / Pembeli
PTG
Jawatan :

Tarikh :

.....
Pentadbir Tanah Daerah /

Jawatan :


Tarikh :

LAMPIRAN C

REKOD PERMOHONAN PINDAAN DAN MELANJUTKAN TEMPOH PERMIT 4C

Bil.	Tarikh Terima Permohonan	Bilangan Permit 4C	No Lot Dan Mukim	Tarikh Permit 4C Asal	Tarikh Permit 4C Baru	Kenyataan

LAMPIRAN D



- Jika kawasan pengeluaran bahan batuan jauh dari jalanraya, papan tanda kecil berukuran 0.9144m x 0.9144m (3' x 3') hendaklah diletakkan di tepi jalanraya yang menunjukkan arah kawasan pengeluaran bahan batuan tersebut.
- Semua kenyataan diatas hendaklah ditulis dengan terang dan di dalam **BAHASA MALAYSIA** sahaja.
- Papan tanda ini hendaklah didirikan dengan segera sebelum kerja-kerja pengeluaran bahan batuan berkenaan dijalankan.

LAMPIRAN E

Kepada,

Pengarah Tanah dan Galian Johor
Bangunan Dato' Mohd Salleh Perang
Kota Iskandar
79576 NUSAJAYA, JOHOR BAHRU

(u.p Unit Kuatkuasa)

LAPORAN BULANAN PENGELUARAN BAHAN-BAHAN BATUAN

Bersama-sama ini dikemukakan laporan bagi bulanTahun.....
sebagaimana berikut :-

1.1 Jenis Bahan Batuan :

1.2 Nama Pengusaha :

1.3 Alamat :

.....

.....

Tarikh	Kuantiti Pengeluaran	Nombor Permit	Nombor Lori	Eksport / Tempatan

Tandatangan :

Nama Penuh :

Cop Syarikat :

Tarikh :

LAMPIRAN F

Nombor Siri Permit	Tarikh Mula Dan Luput Permit	Jenis Bahan Batuan	Jumlah Muatan Metrik Tan	Jumlah Bayaran	Masa, Tarikh dan Tandatangan Penerima

LAMPIRAN G

NO SIRI :

*** (UNTUK DIISI OLEH PENTADBIR TANAH PENGELUAR)**

No. Siri Permit :

No. Permit 4C :

Nama Pemegang Permit :

No. Kenderaan : Tarikh Permit Berkuatkuasa hingga

Jumlah muatan / trip yang dibenarkan : (metrik tan / meter persegi / ketul / dll)

Tarikh :

(..... t.t PTD)

*** (UNTUK DIISI OLEH PEMEGANG PERMIT)**

Bil.	Tarikh	Masa	No. DO	Berat / Jumlah Muatan di bawa	Baki muatan dibenarkan	Tandatangan pemegang permit	Pengesahan PTG / PTD
1							
2							
3							
4							
5							
6							
7							
8							
9							
10							
11							
12							
13							
14							
15							



**BUTIR-BUTIR PERMOHONAN MENGEKSPORT
BAHAN BATUAN : _____
KE _____**

1. Maklumat Pemohon (individu)

- 1.1 Nama : _____
- 1.2 No. K/P : _____
- 1.3 No. Telefon : _____ Fax : _____
- 1.4 Warganegara Malaysia / Bukan Warganegara Malaysia
- 1.5 Bilangan Sijil Kerakyatan : _____
- 1.6 Alamat : _____
- 1.7 Pekerjaan : _____
- 1.8 Pendapatan sebulan : _____
- 1.9 Jika seorang kakitangan kerajaan, sudah / belum mendapat kebenaran Lembaga Tatatertib. (salinan sijil kebenaran Lembaga hendaklah disertakan.

2. Jika permohonan daripada sebuah syarikat, sila isikan bahagian ini:

- 2.1 Nama Syarikat : _____
- 2.2 No. Telefon Syarikat : _____ Fax : _____
- 2.3 Alamat Berdaftar Syarikat : _____
- 2.4 Bilangan Pendaftaran Syarikat : _____
- 2.5 Tarikh Syarikat Didaftarkan : _____
- 2.6 Jumlah saham yang dibenarkan : RM _____
- 2.7 Jumlah saham yang dibayar : RM _____
- 2.8 Jumlah saham yang dipegang oleh Bumiputra : RM _____ (%)
- 2.9 Sila berikan butir-butir bagi tiap-tiap seorang pemegang saham sebagaimana didalam para satu.
- 2.10 Sila berikan butir-butir saham yang tersebut sebagaimana Lampiran B.

3. Maklumat hakmilik :

- 3.1 Pegangan :
- 3.2 HSM PN GN I
- 3.3 dan lain-lain : _____
- 3.4 PTD / No. Lot : _____
- 3.5 Mukim : _____
- 3.6 Daerah : _____
- 3.7 Keluasan : _____ hektar / ekar _____

3.8 Status tanah : Tiada / Pertanian / Perumahan / Industri / dan lain-lain

4. Jenis bahan batuan yang hendak dieksport : _____

4.1 Jumlah pengeluaran :

4.1.1 _____ meter padu / metrik tan sebulan

4.1.2 _____ meter padu / metrik tan setahun

4.2 Pengangkutan yang akan digunakan :

Kapal Pontoon Lori

Keretapi Kapal terbang

Lain-lain Pengangkutan _____

5. **AKU JANJI PEMOHON**

Saya / kami bersetuju bahawa saya / kami pada bila-bila masa akan mengadakan stok sejumlah 50% daripada pengeluaran bahan-bahan batu kami bagi keperluan tempatan. Saya / kami juga bersetuju bahawa Kerajaan Johor pada bila-bila masa boleh membatalkan kelulusan mengeksport bahan-bahan batu ini tanpa memberi apa-apa notis atau bayaran ganti rugi.

Saya / kami bersetuju untuk mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh PTG Johor dari masa kesemasa sebagaimana yang tertera pada Permit 4C (eksport) dan Pekeliling Bil. _____

Tarikh : _____ (_____)

- Potong mana yang tidak berkenaan.

Kegunaan Pejabat

No.Rujukan :

Akuan Penerimaan Permohonan

Tandatangan Penerima : _____

Nama Penerima : _____

Tarikh Terima : _____

**Maklumat-maklumat yang Dikehendaki Bagi
Permohonan Untuk Mendapatkan Permit Kerana
Mengeluarkan Bahan-bahan Batu Ke Luar Negara**

1. Nama pemohon atau Syarikat :
(Sebutkan Limited Company
atau tidak)
2. Alamat :
3. Nyatakan Negeri manakah bahan- :
Bahan batu itu akan dieksport
4. Nyatakan sama ada bahan-bahan :
Itu diperolehi daripada tanah sendiri
atau pun tanah kerajaan
5. Jika tanah sendiri, sila nyatakan :
butir-butir hakmilik
6. Jika tanah kerajaan, sila nyatakan :
maklumat-maklumat tanah tersebut
7. Anggaran jumlah bahan-bahan :
batu yang di eksport pada sebulan
(ton / meterpadu)
8. Nyatakan sebab-sebab pemohon :
Menjualkan bahan-bahan itu ke
luar Negara dan tidak di Malaysia
9. Berapa lamakah sudah pemohon :
menjualkan bahan-bahan batu
keluar Negara
10. Bilangan pendaftaran lori-lori :
yang digunakan kerana
eksport tersebut

No. Rujukan :

**BORANG PERMOHONAN MELANJUTKAN
TEMPOH EKSPORT BAGI
TAHUN _____**

NAMA SYARIKAT : _____

NO PENDAFTARAN SYARIKAT: _____

ALAMAT SYARIKAT : _____

NO.TEL SYARIKAT : _____ NO. Fax : _____

WAKIL SYARIKAT UNTUK DIHUBUNGI : _____

NO.TELEFON (O) : _____ (HP) : _____ (FAX) : _____

NAMA PEMOHON : _____

NO.KAD PENGENALAN : _____

ALAMAT PEMOHON : _____

NO.TELEFON (O) : _____ (HP) : _____ (FAX) : _____

TARIKH : _____

s.k PENTADBIR TANAH DAERAH

.....

KEGUNAAN PEJABAT

AKUAN PENERIMAAN PERMOHONAN

No. Rujukan

Nama Penerima : _____

Tarikh Terima : _____